

**FUNGSI DAN PERANAN BANDAR KECIL
DI SABAH: KAJIAN KES BANDAR
KECIL KOTA MURUDU**

SYIVERO PATRICK



UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2019**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **FUNGSI DAN PERANAN BANDAR KECIL DI SABAH: KAJIAN KES BANDAR KECIL KOTA MURUDU**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)**

Saya **SYIVERO PATRICK**, Sesi Pengajian **2014-2018**, mengaku membenarkan tesis Ijazah Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tanda (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


SYIVERO PATRICK


PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan oleh,


NORAZLYNNE MOHD. JOHAN @ JACLYNE
PUSTAKAWAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh: 17 Disember 2018




(Dr. Ubong Imang)
Penyelia

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis Ijazah Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

17 Disember 2018



Syivero Patrick
MA14110449T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **SYIVERO PATRICK**

NO. MATRIK : **MA14110449T**

TAJUK : **FUNGSI DAN PERANAN BANDAR KECIL DI SABAH:
KAJIAN KES BANDAR KECIL KOTA MURUDU**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)**

TARIKH VIVA : **18 JULAI 2018**

1.

PENYELIA

Dr. Ubong Imang



DISAHKAN OLEH;

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

PENGHARGAAN

Shalom dan puji Tuhan kerana dengan atas kasih karuniaNya dan segala berkat anugerahNya akhirnya saya dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya.


Setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Ubong Imang kerana telah memberikan dorongan dan bimbingan kepada saya dalam menyiapkan tesis master ini. Ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah HA 18 Geografi, Dr. Aliakbar Bin Gulasan, Dr. Mohammad Tahir Mapa, Prof. Madya Dr. Gaim Lunkapis@James, Prof. Maya Dr. Jabil Mapjabil, Dr. Oliver Valentine Eboy, En. Mustapha Abd Talip, dan yang telah memberikan tunjuk ajar dan bimbingan sama ada secara langsung atau tidak langsung selama ini.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada ibubapa saya iaitu Encik Patrick Jimmi dan Puan Loimpah Kinson atas sokongan dan doa kepada saya selama melanjutkan pelajaran di UMS ini. Penghargaan yang tidak terhingga juga kepada rakan-rakan seperjuangan Sairil, Tuti, Aniq, Flastila, Hamisah, Rayon Jimbu dan semua rakan-rakan saya yang mana telah memberikan sokongan sama ada secara langsung atau tidak langsung selama tiga tahun dalam pengajian ini.

Akhir sekali, jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian sarjana saya ini sama ada secara langsung dan tidak langsung. Semoga Tuhan memberkati mereka semua yang telah membantu saya selama ini.

Sekian Terima Kasih.

Syivero Patrick
17 Disember 2018



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Bandar kecil di negeri Sabah memainkan fungsi dan peranan penting sebagai pusat perkhidmatan kepada masyarakat di peringkat hierarki penempatan di kawasan luar bandar. Seiring dengan perkembangan pembangunan semasa, bandar kecil di negeri Sabah kini telah mengalami revolusi perkembangan dan perubahan guna tanah serta fungsi dan peranannya akibat daripada faktor globalisasi pada masa kini, walaupun pada kadar yang perlahan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai fungsi dan peranan bandar kecil dengan memilih bandar kecil Kota Marudu sebagai kawasan kajian. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah pemerhatian, temu bual, rujukan buku dan artikel serta laporan jabatan kerajaan mengenali fungsi dan peranan serta perubahan guna tanah bandar kecil Kota Marudu. Manakala analisis kajian yang digunakan ialah menggunakan analisis statistik deskriptif menggunakan aplikasi *Statistical Package for Social Science* (SPSS), analisis refleksi dan analisis tindan lapis (*over layer*) menggunakan aplikasi *Geography Information System* (GIS). Hasil daripada kajian ini menunjukkan bandar kecil Kota Marudu telah mengalami perubahan yang sangat ketara daripada tahun 2006 sehingga 2016 berbanding daripada tahun 1996 sehingga tahun 2006. Manakala antara fungsi dan peranan bandar kecil Kota Marudu adalah seperti pusat penawaran barangan dan perkhidmatan asas (peringkat rendah dan sederhana), pusat pengumpulan dan pemasaran hasil pertanian, pusat penawaran pelbagai peralatan pertanian, menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor kedua dan ketiga (bukan pertanian), dan penghubung antara penduduk desa dengan perkhidmatan bandar. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa fungsi dan peranan bandar kecil Kota Marudu telah mengalami peralihan daripada hanya menyediakan penawaran fungsi order rendah kepada menyediakan penawaran fungsi order sederhana dan tinggi. Seterusnya faktor mempengaruhi perkembangan bandar kecil Kota Marudu adalah penumpuan pembangunan oleh kerajaan, pertambahan penduduk, kedudukan bandar kecil Kota Marudu, dan pengangkutan dan perhubungan. Kekuatan bandar kecil Kota Marudu yang membawa kepada pembangunan pada masa hadapan adalah kedudukan yang strategik, pertumbuhan penduduk, kepelbagaian penawaran barangan dan perkhidmatan, penumpuan pembangunan oleh kerajaan. Hasil kajian ini dapat membantu para penyelidik akan datang untuk lebih memahami fungsi dan peranan bandar kecil di negeri Sabah, serta menjadi rujukan dalam membuat kajian berkenaan dengan hierarki fungsi dan peranan bandar kecil di Sabah. Selain itu kajian ini dapat membantu pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri Sabah dalam membuat perancangan dan penggubalan dasar-dasar pembangunan bandar-bandar kecil di negeri Sabah pada masa hadapan.

ABSTRACT

FUNCTION AND ROLE OF SMALL TOWNS IN THE STATE OF SABAH: CASE STUDY OF KOTA MARUDU SMALL TOWN

Small towns in the state of Sabah play a vital role as a service center for the community at the settlement hierarchy in the rural areas. Along with the development of current development, small towns in the state of Sabah have undergone a revolution of development and land use change as well as its functions and roles as a result of today's globalization, even at a slower pace. Therefore, this study aims to evaluate the function and role of small towns by selecting the small town of Kota Marudu as a study area. The research methodology used in this study was observation, interview, reference book and article and government department report to identify the function and role and change of land use of Kota Marudu small town. While the analysis of the research used was using destructive statistical analysis using Statistical Package for Social Science (SPSS), reflection analysis and overlay analysis using Geography Information System (GIS) application. As a result of this study, Kota Marudu small town has undergone significant changes from 2006 to 2016 as compared to from 1996 to 2006. Among the functions and role of Kota Marudu small town is the center of supply of basic goods and services (low and medium), agriculture product aggregation and marketing centers, supply centers of various agricultural equipment, providing employment in the second and third sectors (non-agricultural), and connecting between villagers with urban services. The findings also found that the role of Kota Marudu small town has undergone a transition from providing only low order function offerings to providing medium and high order function offerings. Subsequent factors influencing the development of small towns Kota Marudu is the convergence of development by the government, the population increase, Kota Marudu small town position, and transport and communications. The strength of Kota Marudu small town leading to what future development is a strategic position, population growth, diversification of supply of goods and services, convergence of development by the government. The results of this study will help future researchers to be better understood the functions and roles of small towns in the state of Sabah, as well as refer to the study of the hierarchy of functions and the role of small towns in Sabah. In addition, this study can help local authorities and the Sabah state government in planning and formulating development policies of small towns in Sabah in the future.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Matlamat dan Objektif Kajian	8
1.4 Kawasan Kajian	9
1.5 Skop Kajian	10
1.6 Metodologi Kajian	10
1.6.1 Data Sekunder	10
1.6.2 Data Premier	11
1.7 Analisis Data	11
1.8 Kepentingan Kajian	12

1.9	Kesimpulan	14
-----	------------	----

BAB 2: FUNGSI DAN PERANAN BANDAR KECIL

2.1	Pengenalan	16
2.2	Definisi Bandar Kecil	17
2.2.1	Definisi Fungsi dan Peranan Bandar Kecil	23
2.3	Definisi Operasional Fungsi dan Peranan Awal Bandar Kecil Dalam Konteks Kajian Ini	26
2.4	Bandar Kecil dan Pembangunan	29
2.5	Kajian Lepas Berkenaan Bandar Kecil	39
2.5.1	Kajian Berkenaan Bandar Kecil Dalam Negara	40
2.5.2	Kajian Lepas Berkenaan Bandar Kecil di Luar Negara	44
2.6	Pembangunan dan Perkembangan Bandar Kecil di Sabah	50
2.7	Kesimpulan	58

BAB 3: METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	60
3.2	Pendekatan Penyelidikan	61
3.3	Proses Menjalankan Kajian	63
3.4	Kawasan Kajian	66
3.5	Kajian Rintis	65
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	67
3.6.1	Data Sekunder	67
3.6.2	Data Primer	69
3.7	Teknik Analisis Data	77
3.7.1	Teknik Analisis Statistik Deskriptif	78
3.7.2	Teknik Analisis Refleksi	79

3.7.3	Teknik <i>Mapping</i> Dengan Menggunakan Analisis <i>Over Layer</i>	79
3.8	Kesimpulan	79
BAB 4: FUNGSI DAN PERANAN BANDAR KECIL KOTA MURUDU		
4.1	Pengenalan	81
4.2	Latar Belakang Bandar Kecil Kota Marudu	81
4.3	Perkembangan Bandar Kecil Kota Marudu	83
4.4	Perubahan Pola Guna Tanah Bandar Kecil Kota Marudu	86
4.4.1	Perkembangan Bandar Kecil Kota Marudu Daripada Tahun 1996 Sehingga 2006	90
4.4.2	Perkembangan Bandar Kecil Kota Marudu Daripada Tahun 2006 Sehingga 2016	93
4.5	Senarai Penawaran Fungsi Bandar Kecil Kota Marudu	96
4.5.1	Fungsi Order Rendah	98
4.5.2	Fungsi Order Sederhana	99
4.4.3	Fungsi Order Tinggi	102
4.6	Penawaran Kemudahan dan Perkhidmatan di Bandar Kecil Kota Marudu	104
4.7	Peranan Bandar Kecil Kota Marudu	106
4.7.1	Pusat Penawaran Barangan dan Perkhidmatan Asas (Peringkat Rendah dan Sederhana)	106
4.7.2	Pusat Pengumpulan dan Pemasarkan Hasil Pertanian, Perikanan Serta Keluaran Barangan Industri	110
4.7.3	Pusat Penawaran Pelbagai Peralatan Pertanian	112
4.7.4	Kawasan Perantaraan Penduduk Kawasan Luar Bandar Dengan Bandar Besar	113
4.7.5	Pusat Penghubung Antara Penduduk Desa Dengan Perkhidmatan Bandar	114

4.7.6	Pusat Penggerak Aktiviti Kemasyarakatan dan Interaksi Sosial	121
4.7.7	Menyediakan Peluang Pekerjaan Dalam Sektor Kedua dan Ketiga (Bukan Pertanian)	121
4.7.8	Menyediakan Kemudahan Pelancongan dan Pusat Pelancongan	122
4.7.9	Pusat Pertumbuhan Baru di Kawasan Luar Bandar	124
4.8	Faktor Perkembangan Fungsi dan Peranan Bandar Kecil Kota Marudu	125
4.8.1	Penumpuan Pembangunan Oleh Pihak Kerajaan	126
4.8.2	Pertambahan Penduduk Kota Marudu	129
4.8.3	Pembinaan dan Penambakaan Jalan-Jalan Utama	133
4.8.4	Kedudukan Geografi yang Strategik	135
4.9	Kekuatan Bandar Kecil Kota Marudu	138
4.9.1	Kedudukan Bandar Kecil Kota Marudu yang Strategik	138
4.9.2	Kepelbagaian Penawaran Perkhidmatan Awam dan Perniagaan Swasta	139
4.9.3	Penumpuan Pembangunan oleh Pihak Kerajaan	141
4.9.4	Kepelbagaian dan Perkembangan Sektor Pertanian	143
4.9.5	Perkembangan Sektor Pelancongan	147
4.9.6	Potensi Sektor Perikanan	149
4.10	Cabaran dan Masalah Memperkukuhkan Fungsi dan Peranan Bandar Kecil Kota Marudu	151
4.10.1	Pengangkutan dan Perhubungan	151
4.10.2	Kekurangan Kemudahan Awam	154
4.11	Kesimpulan	157
 BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		
5.1	Pengenalan	159

5.2	Tafsiran dan Perbincangan Hasil Kajian	160
5.2.1	Perkembangan dan Peralihan Fungsi dan Peranan Bandar Kecil Kota Marudu	160
5.2.2	Perkembangan Ekonomi Bandar Kecil Kota Marudu	161
5.2.3	Perubahan Status Bandar Kecil Kota Marudu	163
5.2.4	Pertumbuhan Penduduk Bandar Kecil Kota Marudu	164
5.3	Cadangan Memperkukuhkan Fungsi dan Peranan Bandar Kecil Kota Marudu	165
5.3.1	Menambahbaik Sistem Pengangkutan dan Perhubungan	165
5.3.2	Menambahkan Penawaran Perkhidmatan Awam dan Swasta	166
5.3.3	Membuat Perancangan Jangka Pendek dan Panjang	168
5.3.4	Menambahkan dan Memperbaiki Kemudahan Awam	172
5.4	Batasan Kajian	175
5.5	Implikasi Dasar	176
5.6	Sumbangan Kajian	179
5.7	Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan	181
5.8	Kesimpulan	182
	RUJUKAN	184
	LAMPIRAN	192

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Definisi Rasmi Bandar di Beberapa Negara Terpilih	20
Jadual 2.2 : Kriteria Asas Penentuan Peranan Bandar Kecil di Wilayah Johor Timur	25
Jadual 2.3 : Senarai Fungsi Asas Sesebuah Bandar Kecil	28
Jadual 3.1 : Data yang Diperolehi Daripada Jabatan	69
Jadual 3.2 : Senarai Nama Responden yang Ditemubual	73
Jadual 3.3 : Anggaran Populasi dan Jumlah Sampel Bagi Pengunjung Bandar Kecil Kota Marudu	76
Jadual 4.1 : Bilangan Bangunan Kedai yang Terdapat di Bandar Kecil Kota Marudu Daripada Tahun 1996 Sehingga 2006	93
Jadual 4.2 : Bilangan Bangunan Kedai yang Terdapat di Bandar Kecil Kota Marudu Daripada Tahun 2006 Sehingga 2016	95
Jadual 4.3 : Penawaran Fungsi yang Terdapat di Bandar Kecil Kota Marudu Pada Tahun 2016	97
Jadual 4.4 : Penawaran Fungsi Order Rendah yang Terdapat di Bandar Kecil Kota Marudu	99
Jadual 4.5 : Penawaran Fungsi Order Sederhana yang Terdapat di Bandar Kecil Kota Marudu	101
Jadual 4.6 : Penawaran Fungsi Order Tinggi yang Terdapat di Bandar Kecil Kota Marudu	103
Jadual 4.7 : Penawaran Fungsi Kemudahan dan Perkhidmatan Kerajaan	105
Jadual 4.8 : Bilangan Kedai yang Menjual Barangan Keperluan Asas yang Terdapat di Bandar Kecil Kota Marudu	108
Jadual 4.9 : Kedai yang Menjual Peralatan Pertanian	112
Jadual 4.10 : Pusat Pendidikan yang Terdapat di Sekitar Bandar Kota Marudu	115

Jadual 4.11	:	Perkhidmatan Kerajaan yang Belum Terdapat di Bandar Kecil Kota Marudu dan Tempat Masyarakat Mendapatkan Perkhidmatan Tersebut	119
Jadual 4.12	:	Jumlah Penduduk Daerah Kota Marudu Sebelum Merdeka 1970, 1980,1990, 2000 dan 2010	130
Jadual 4.13	:	Jumlah Penduduk dan Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan (Peratus) Mengikut Daerah Pentadbiran, Sabah 1991, 2000 dan 2010	131
Jadual 4.14	:	Bilangan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Kota Marudu Daripada Tahun 1991, 2000 dan 2010	131
Jadual 4.15	:	Keluasan Kawasan Tanaman Industri Daerah Kota Marudu Daripada Tahun 2004 Sehingga 2012.	143
Jadual 5.1	:	Jumlah Penduduk Daerah Kota Marudu Sebelum Merdeka, 1970, 1980, 1990, 2000 dan 2010	165



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 : Lokasi Bandar Kecil Kota Marudu Dalam Peta Negeri Sabah	9
Rajah 2.1 : Pengkelasan Hierarki Bandar di Negeri Sabah Berdasarkan Bilangan Penduduk	22
Rajah 2.2 : Teori Pusat Petempatan Christaller	32
Rajah 2.3 : Teori Kutub Pertumbuhan Berdasarkan Perroux (1903)	37
Rajah 2.4 : Kedudukan Bandar-Bandar Kecil di Negeri Sabah Adalah yang Bertanda Merah Pada Peta Sabah	56
Rajah 3.1 : Proses Pengumpulan Data	63
Rajah 3.2 : Peta Kedudukan Kota Marudu Dalam Negeri Sabah	65
Rajah 3.3 : Proses Pemilihan Responden Kawasan Kajian	77
Rajah 4.1 : Kedudukan Bandar Kecil Kota Marudu Tahun 1950 dan Pada Tahun 1980 Sehingga Sekarang	85
Rajah 4.2 : Peta Pola Perkembangan Guna Tanah Bandar Kecil Kota Marudu Daripada Tahun 1996, 2006 dan 2016	87
Rajah 4.3 : Pendapat Responden Tentang Sejak Tahun Bila Bandar Kecil Kota Marudu Mengalami Perubahan yang Ketara	89
Rajah 4.4 : Peta Guna Tanah Bandar Kecil Kota Marudu Pada Tahun 1996	91
Rajah 4.5 : Peta Perkembangan Guna Tanah Bandar Kecil Kota Marudu Antara Tahun 1996 Dengan 2006	91
Rajah 4.6 : Peta Guna Tanah Bandar Kecil Kota Marudu Pada Tahun 2006	92
Rajah 4.7 : Peta Perkembangan Guna Tanah Bandar Kecil Kota Marudu Antara Tahun 2006 Dengan 2016	94

Rajah 4.8	:	Peta Guna Tanah Bandar Kecil Kota Marudu Pada Tahun 2016	94
Rajah 4.9	:	Peratus (%) Penggunaan Pelbagai Perkhidmatan Kerajaan yang Terdapat di Bandar Kecil Kota Marudu Oleh Responden	117
Rajah 4.10	:	Peratus % Penggunaan Pelbagai Jenis Perkhidmatan Swasta di Bandar Kecil Kota Marudu Dikalangan Responden	120
Rajah 4.11	:	Plan 1 Avenue Town Ship di Bandar Kecil Kota Marudu	127
Rajah 4.12	:	Kedudukan Pembinaan 1 Avenue Town Ship di Bandar Kecil Kota Marudu	128
Rajah 4.13	:	Pembinaan Perumahan 1 Malaysia di Sabah Berdasarkan Unit Mengikut Lokasi	129
Rajah 4.14	:	Projek Pembinaan dan Penambahbaikan Jalan-Jalan Utama di Sabah Dalam Lingkungan SDC di Bawah RM Ke-9	134
Rajah 4.15	:	Peta Kedudukan Daerah Kota Marudu Dalam Negeri Sabah	136
Rajah 4.16	:	Peratus (%) Pengunjung Daripada Daerah Luar Kota Marudu Berdasarkan Temu Bual Responden	137
Rajah 4.17	:	Kedudukan Bandar-Bandar Mengikut Hierarki yang Terdapat di Negeri Sabah yang Merupakan Pusat Pertumbuhan Daerah	139
Rajah 4.18	:	Peratus % Responden yang Menyatakan Kawasan Daerah Kota Marudu Sangat Berpotensi Untuk Memajukan Sektor Pertanian	145
Rajah 4.19	:	Kawasan Daerah Kota Marudu Adalah Merupakan Kawasan Jelapang Padi di Sabah	146
Rajah 4.20	:	Peratus % Responden yang Bersetuju Bahawa Daerah Kota Marudu Berpotensi Memajukan Sektor Ekopelancongan	148
Rajah 4.21	:	Peratus % Responden yang Menyatakan Daerah Kota Marudu Berpotensi Untuk Memajukan Sektor Perikanan	150
Rajah 4.22	:	Kawasan Pendaratan Hasil Laut di Negeri Sabah	151

Rajah 4.23	:	Peratus % Responden yang Bersetuju Bahawa Bandar Kecil Kota Marudu Menghadapi Cabaran Sistem Pengangkutan dan Perhubungan	152
Rajah 4.24	:	Peratus % Responden yang Menyatakan Bahawa Bandar Kecil Kota Marudu Mengalami Masalah Kesyakan Jalan Raya	153
Rajah 4.25	:	Peratus % Responden yang Menyatakan Bandar Kecil Kota Marudu Mengalami Cabaran Kekurangan Kemudahan Awam	154



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ASB	- Amanah Saham Berhad
DUN	- Dewan Undangan Negeri
ERDA	- <i>Remote Sensing Application</i>
GIS	- Sistem Maklumat Geografi
IDS	- Institut Kajian Pembangunan, Sabah
IKS	- Industri Kecil dan Sederhana
JKR	- Jabatan Kerja Raya
JPBD	- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
JPBWNS	- Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah Negeri Sabah
KFC	- <i>Kentucky Fried Chicken</i>
KWSP	- Kumpulan Wang Simpan Pekerja
MDKM	- Majlis Daerah Kota Marudu
OUM	- <i>Open University Malaysia</i>
PBT	- Pihak Berkuasa Tempatan
PDKM -	- Pejabat Daerah Kota Marudu
PERKESO	- Pertubuhan Keselamatan Sosial
PR1MA	- Perumahan 1 Malaysia
RMK-11	- Rancangan Malaysia Kesebelas
SDC	- Koridor Pembangunan Sabah
SPSS	- <i>Statistical Package for Social Science</i>
UMS	- Universiti Malaysia Sabah
UPM	- Universiti Putra Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Borang Soal Selidik	192
Lampiran B : Soalan Temubual Bersama Responden Berkenaan Dengan Perkembangan Fungsi dan Peranan Bandar Kecil Kota Marudu Daripada Tahun 1996 Sehingga 2016 (Pegawai Kerajaan)	199
Lampiran C : Kawasan Bandar Kecil Baru (Bangunan Lama)	202
Lampiran D : Kawasan Bandar Kecil Kota Marudu Pembangunan 2016 (Bangunan Baru) 1	202
Lampiran E : Kawasan Bandar Kecil Kota Marudu Pembangunan 2016 (Bangunan Baru) 2	203
Lampiran F : Kawasan Bandar Kecil Kota Marudu Pembangunan 2016 (Bangunan Baru) 3	203
Lampiran G : Kawasan Bandar Kecil Kota Marudu Pembangunan 2016 (Bangunan Baru) 4	204
Lampiran H : Kawasan Bandar Kecil Kota Marudu Pembangunan 2016 (Bangunan Baru) 5	204
Lampiran I : Kawasan Bandar Kecil Kota Marudu Pembangunan 2016 (Bangunan Baru) 6	205
Lampiran J : Kawasan Bandar Kecil Kota Marudu Pembangunan 2016 (Bangunan Baru) 7	205
Lampiran K : Kawasan Bandar Kecil Kota Marudu Pembangunan 2016 (Bangunan Cosmopoint Kota Marudu)	206
Lampiran L : Kawasan Bandar Kecil Kota Marudu Pembangunan 2016 (PPR Kerongkom Jaya)	206
Lampiran M : Kawasan Bandar Kecil Kota Marudu Pembangunan 2016 (Bangunan M Square)	207
Lampiran N : Kawasan Bandar Kecil Kota Marudu Pembangunan 2016 (Bangunan Kolej Komuniti Kota Marudu)	207
Lampiran O : Kawasan Bandar Kecil Kota Marudu Pembangunan 2016 (Bangunan Avenue Kota Marudu) 1	208



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Proses globalisasi dikatakan mempercepat proses perebakan bandar di Malaysia. Proses ini melibatkan kemasukan pelbagai suntikan ekonomi global yang dikatakan boleh membawa kepada perubahan dari segi ekonomi dan pembangunan khususnya di kawasan bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bharu, Pulau Pinang dan bandar-bandar utama yang terdedah kepada proses globalisasi (Yazid Saleh *et. al.*, 2012). Ini kerana, kelebihan bandar-bandar ini dari segi kedudukan dan infrastruktur yang telah tersedia di kawasan tersebut. Justeru itu, perubahan juga turut dialami di kawasan sekitar bandar-bandar tersebut termasuk bandar-bandar kecil yang terdapat di kawasan sekitarnya. Hal ini kerana, akibat daripada pertambahan keluasan kawasan bandar besar disebabkan oleh pertambahan bangunan telah membawa kepada tepu bina kawasan bandar besar. Sehubungan dengan itu, ianya mendorong kepada perebakan pembangunan ke kawasan bandar kecil yang menyebabkan berlaku pertambahan pelbagai pembangunan di kawasan tersebut. Dengan kata lain, perkembangan pesat pembangunan yang berlaku di bandar-bandar besar dan kawasan sekitarnya dijangka akan membawa dan mempengaruhi perkembangan fungsi dan peranan bandar-bandar kecil. Terutamanya bandar-bandar kecil yang terletak berhampiran dengan bandar-bandar besar.

Menurut Funell (1976), Ismail (1979), Hamidah (1981) dan Hamid (2000), dalam (Yazid Saleh *et. al.*, 2012) menyatakan bahawa fungsi dan peranan bandar kecil merupakan dua perkara yang saling berkaitan. Hal ini kerana, pemahaman terhadap fungsi dan peranan bandar kecil adalah dua perkara yang tidak dapat diasingkan. Fungsi dan peranan dirujuk sebagai perkara yang menyumbangkan

kepada pembangunan sesebuah bandar. Ini kerana, fungsi bandar dilihat amat berkait rapat dengan kegiatan ekonomi bandar (Katiman, 1988). Semua aktiviti utama yang bersifat ekonomi bagi sesebuah bandar merupakan fungsi kepada bandar tersebut. Fungsi inilah yang akan menentukan perkembangan sesebuah bandar itu. Dalam hal ini, fungsi dan peranan dimaksudkan sebagai kegiatan ekonomi, iaitu penyediaan barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan penduduk dan kawasan sekitar dalam lingkungan pengaruhnya.

Justeru itu, bandar kecil penting bukan kerana saiznya tetapi kerana fungsi dan peranannya (Yazid Saleh *et. al.*, 2012). Sehubungan itu, perubahan perkembangan bandar kecil akan membawa kepada pertambahan kepada fungsi dan peranannya. Oleh itu, kepentingan dalam meningkatkan akses masyarakat luar bandar terhadap perkhidmatan bandar adalah salah satu fungsi dan peranan utama bandar kecil yang tidak boleh dinafikan (Katiman, 1991).

Perkembangan bandar kecil di negeri Sabah kini kian terasa akibat daripada pelbagai dasar yang telah dijalankan oleh kerajaan dalam memastikan pembangunan negeri Sabah. Antara dasar perancangan dan pembangunan yang telah dilancarkan di negeri Sabah adalah seperti Koridor Pembangunan Sabah (SDC). SDC dijangkakan boleh membawa pembangunan kepada negeri Sabah khususnya dari segi ekonomi, sosial, fizikal dan persekitaran. Oleh itu, daripada pelancaran Koridor Pembangunan Sabah, jurang pembangunan antara wilayah khususnya di antara kawasan bandar dan luar bandar dijangka dapat dikurangkan (SDC, 2006). Selain itu, hasrat kerajaan dalam mengurangkan jurang pembangunan di kawasan bandar dan juga luar bandar, juga telah membawa kepada penyebaran pembangunan di kawasan bandar-bandar kecil. Berbanding sebelum ini, (khususnya era 60-an sehingga 80-an), pembangunan bandar-bandar kecil di Sabah adalah amat perlahan (Abdul Samad Hadi, 1990).

Oleh hal yang demikian, kajian ini adalah berkenaan dengan perkembangan fungsi dan peranan bandar kecil yang memberi fokus kepada bandar kecil di negeri Sabah. Kajian ini akan mengenalpasti apakah fungsi dan peranan bandar kecil di negeri Sabah akibat daripada perkembangan pembangunannya dengan memilih

bandar kecil Kota Marudu sebagai kawasan kajian. Hal ini kerana, secara asasnya fungsi dan peranan bandar kecil hanya menyediakan perkhidmatan asas kepada penduduk luar bandar. Namun, akibat daripada dasar dan polisi perancangan kerajaan yang telah dijalankan dalam memajukan bandar kecil pada masa kini dijangka akan membawa kepada perubahan dan perkembangan fungsi dan peranannya.

Kajian ini perlu dijalankan kerana kajian berkenaan dengan bandar kecil di negeri Sabah masih kurang dijalankan berbanding di Semenanjung Malaysia, walhal pembangunan bandar kecil di Sabah telah mulai menunjukkan perkembangan yang positif. Misalnya, perkembangan bandar kecil di negeri Sabah seperti Kota Marudu pada masa sekarang telah mula dirasa akibat daripada dasar dan polisi yang dijalankan oleh kerajaan. Seperti SDC, pelancaran projek 1 Avenue Town, PR1MA, projek Agropolitan, dan pembinaan jalan perhubungan antara daerah Kota Marudu dengan daerah-daerah lain dijangka akan membawa kepada perubahan dan pertambahan fungsi dan peranan bandar kecil Kota Marudu. Keadaan ini telah menarik minat penyelidik untuk menjalankan penyelidikan ini bagi mengetahui sama ada fungsi dan peranan bandar kecil Kota Marudu telah mengalami perubahan dan pertambahan selari dengan perkembangan bandar kecil Kota Marudu yang berlaku pada masa kini.

1.2 Permasalahan Kajian

Bandar kecil amat penting dalam usaha memastikan pembangunan yang seimbang di antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar dapat dicapai. Menurut Abdul Samad Hadi *et. al.* (2006) bandar kecil berperanan sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosioekonomi untuk kawasan sekitarnya. Hal ini kerana, bandar kecil merupakan kawasan perantaraan bagi penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar dengan bandar besar. Bandar kecil juga dikatakan menyediakan perkhidmatan mudah dalam bentuk penjualan barangan keperluan harian dan penyediaan perkhidmatan sosial termasuk pentadbiran bagi keperluan penduduk setempat (Abdul Samad Hadi *et. al.*, 2006). Selain itu, bandar kecil juga

dilihat penting dalam meningkatkan akses masyarakat luar bandar terhadap perkhidmatan bandar (Katiman, 1991).

Bandar kecil di negara membangun mempunyai ciri fungsi dan peranannya yang tertentu. Fungsi dan peranan tersebut berkait dengan aktiviti dikawasan tersebut seperti petempatan, perindustrian, pemasaran, perkhidmatan, penawaran barangan keperluan asas dan peralatan pertanian. Namun begitu, kebanyakan bandar kecil di negara membangun hanya menawarkan fungsi dan peranan berkaitan dengan aktiviti perniagaan yang berteraskan pertanian. Katiman (2005) menyatakan bahawa bandar kecil di kebanyakan negara membangun berfungsi sebagai penggerak ke arah kewujudan aktiviti perniagaan yang berteraskan pertanian di samping menyediakan infrastruktur kepada penduduknya. Kenyataan ini disokong oleh Owusu (2005) dan Parhanse (2007) dalam (Yazid Saleh *et. al.*, 2012) yang menyatakan dalam kajian mereka di Afrika Selatan mereka mendapati majoriti penduduk di bandar-bandar kecil di negara tersebut masih lagi bergantung pada aktiviti yang berasaskan pertanian sebagai kegiatan ekonomi utama penduduk bandar kecil tersebut.

Namun begitu hasil daripada kajian sarjana kebelakangan ini mendapati bahawa berlaku perubahan dan pertambahan fungsi dan peranan bandar kecil akibat daripada pengaruh proses globalisasi (Yazid Saleh *et. al.*, 2012). Hal ini kerana, fungsi dan peranan bandar kecil pada dekad ini telah mula berkembang iaitu daripada hanya menyediakan fungsi dan peranan asas kepada fungsi dan peranan yang lebih kompleks kepada masyarakat setempat dan sekitarnya. Selain itu juga menurut Kirkby *et. al.* (2000) dan Li dan An (2009) dalam (Yazid Saleh *et. al.*, 2012), bandar-bandar kecil di China seperti Yuantan, Neiguan dan Shenze mula berubah fungsinya daripada berasaskan pertanian kepada yang lebih moden seperti dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan. Ini dipengaruhi oleh pekerjaan penduduknya yang telah mula beralih daripada sektor pertanian kepada sektor perindustrian. Perubahan pekerjaan penduduk akhirnya akan mempengaruhi fungsi dan peranan bandar kecil berkenaan.